



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 4 APRIL 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LAWATAN RONALD LANGKAH PERKUKUH SEKTOR AGROMAKANAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KERJASAMA MAFI, BERNAS JAMIN PENINGKATAN PENGELUARAN BERAS NEGARA, BH -ONLINE	
3.	MAFI PERLUAS TANAMAN NANAS MANIS VARIETI UNIK, HAKAH DAILY -ONLINE	
4.	MAFI AMBIL TINDAKAN TANGANI ISU KEPUPUSAN PENYU, NASIONAL, HAKAH -3	
5.	NANAS COBEK TUNGGU MASA DIKOMERSIALKAN, DALAM NEGERI, UM -32	
6.	KELANTAN PENGELUAR TERTINGGI TEMBIKAI, KELANTAN, HAKAH -H11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	PROGRAM JUALAN SEMARAK RAMADHAN DITERUSKAN DI 82 OUTLET FAMA, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	HPPNK 2022 BERLANGSUNG MERIAH, SAJI PELBAGAI AKTIVITI, UTARA, HAKAH -H16	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9.	CHEF WAN TURUT TERKENA TEMPIAS KENAIKAN HARGA BAHAN MAKANAN, UM -ONLINE	LAIN-LAIN
10.	KOS TERNAKAN, PENINGKATAN PERMINTAAN PUNCA DAGING SEGAR NAIK HARGA, NASIONAL, SH -8	
11.	PERAK SADC BANGUN PROJEK TANAMAN DURIAN BERNILAI RM44.41j, LOKAL, HM -23	
12.	IBU TUNGGAL TERHARU TERIMA BANTUAN ZAKAT, NEGARA, KOSMO -18	
13.	KERENAH DI TKPM JEJAS HASIL PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -10	
14.	CONTROL COST OF ANIMAL FEED, SAYS LIVESTOCK FARMERS, NATION, THE STAR -7	
15.	MMEA: INFLUX OF FOREIGNERS A SECURITY THREAT, NATION, THE STAR -4	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

04 APR, 2022

Lawatan Ronald langkah perkukuh sektor agromakanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Lawatan Ronald langkah perkukuh sektor agromakanan

Lawatan amat penting untuk sektor agromakanan negara sejajar dengan hala tuju dan perancangan MAFI menerusi DAN 2.0

KUCHING: Lawatan kerja tiga hari ke Sarawak oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee baru-baru ini menjadi platform kepada kerajaan persekutuan dan negeri, kumpulan sasar serta pemain industri untuk membincangkan pendekatan bagi meningkatkan lagi pengeluaran pertanian dan memperkukuhkan keselamatan makanan negara.

Lawatan tersebut dilihat amat penting untuk sektor agromakanan negara sejajar dengan hala tuju dan perancangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Lawatan julung kali Ronald ke negeri ini bermula pada Khamis dengan kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini yang mana melibatkan perbincangan tentang beberapa isu, termasuk keselamatan makanan dan pembabit sektor swasta untuk membantu kerajaan membangunkan sektor agromakanan.

Pada sidang media hari sama, Ronald berkata, kementerianya telah memperuntukkan RM150 juta untuk membangunkan sektor agromakanan di Sarawak.

Beliau menambah, peruntukan tersebut yang akan disalurkan menerusi pelbagai agensi dan jabatan berkaitan sektor agromakanan bakal memberi manfaat kepada subsektor seperti perladangan dan penternakan.

"Salah satu perkara yang ingin dicapai oleh kerajaan persekutuan ialah melihat sektor agromakanan dimodernkan dan diuruskan secara efisien, dan pada masa sama menggunakan teknologi terkini untuk mengurangkan kos operasi dan kebergantu-



SAMPAIKAN: Ronald (dua kiri) menyampaikan cek curi berjumlah RM192,032.10 kepada wakil PENESA pada majlis tersebut. Turut kelihatan Timbalan Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah II, Maclaine Ben (kanan).

ngan kepada barangan import, selain meningkatkan produktiviti," kata Ronald.

Juga pada Khamis, Ronald menghadiri majlis 'MAFI Luncheon Talk with Industry Players' di Dewan

masuk agensi dan jabatan yang berkepentingan dalam sektor agromakanan.

Majlis itu bertujuan memperkukuhkan Agenda Keselamatan Makanan Negara melalui idea, pandangan dan

yang dikemukakan oleh Ronald ialah pembukaan semula sempadan negara pada 1 April bakal merangsangkan lagi industri agromakanan.

"Sebelum ini terdapat sekatan dikenakan ke atas

secara tidak langsung daripadanya."

Pada masa sama, Ronald turut menyampaikan dividen kepada Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA) berjumlah RM192,032.10, selain peruntukan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Satang Biru berjumlah RM50,000 untuk melaksanakan Projek Sportsfishing KUNTTA.

Pada Jumaat, Ronald melakukan lawatan ke Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar untuk meninjau tapak penanaman padi di Stumbin dan Tanjung Bijat di Sri Aman, kira-kira 190km dari sini.

Beliau turut melawat program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di mana beliau menyifatkan program itu "dijangka meningkatkan pendapatan petani sehingga 50 peratus menerusi mekanisasi perladangan dan fasiliti infrastruktur yang lengkap."

"Selingga Mac 2022, pro-



KUNJUNGAN: Ronald menandatangani sepanduk untuk menandakan lawatannya ke tapak Smart SBB di Tanjung Bijat, Sri Aman.

Majma' Tunku Abd Halim Mu'adzam Shah di sini untuk berdialog dengan para pemain industri dalam sektor agromakanan meliputi subsektor perikanan, tanaman, penternakan dan seluruh rantaian agromakanan ter-

cadangan yang dikemukakan oleh para pemain industri dalam hala tuju sektor agromakanan, terutama berhubung keselamatan makanan sejajar dengan keperluan semasa.

Salah satu perkara utama



TINJAU: Ronald (depan, tengah) meninjau Medan Niaga Satok yang sedang menjalani kerja-kerja naik taraf. Turut kelihatan di kiri Ronald ialah Pengarah FAMA Sarawak, Abdul Ja'afar Lian.

restoran, kafe, hotel dan lain-lain, namun dengan pembukaan semula sempadan negara yang ditutup susulan penularan pandemik COVID-19 di negara ini, saya percaya sektor agromakanan akan mendapat manfaat

gram Smart SBB di Sarawak dilaksanakan di bawah seliaan IADA Batang Lupar, dengan kolaboratif Advansia (Sarawak) Sdn Bhd, mem-babitkan kawasan seluas 60 hektar di J.2 dan J.3 Tanjung Bijat Sri Aman untuk musim

04 APR, 2022

Lawatan Ronald langkah perkukuh sektor agromakanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

utama 2021 dan luar musim 2022.

“Program tersebut melibatkan sejumlah 245 peserta untuk kedua-dua musim,” katanya.

Ronald turut menyuarakan harapan agar lebih banyak pemain industri, terutama syarikat peneraju di bawah program Smart SRB, akan tampil dengan idea dan inovasi baharu supaya program tersebut dapat dibangunkan bukan hanya untuk padi, tetapi juga tanaman lain.

Beliau turut menyaksikan pertukaran dokumen memorandum kolaboratif (MoC) di antara MAFI dan Syarikat Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) untuk operasi Pusat Pemrosesan dan Pengeluaran Benih Padi Bertauliah Stumbin (SPPC).

“Harapansaya jugakolaboratif strategik antara MAFI dan BERNAS ini akan menjadikan padi dan subsektor beras di Sarawak lebih kompetitif dalam rantaian industri.

“MAFI turut menyokong aspirasi dan usaha kerajaan Sarawak memodenkan sektor pertanian bagi pengeluaran padi yang tinggi untuk pasaran tempatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada beras import,” katanya.

Pada Jumaat, Ronald turut menghadiri majlis makan malam di sebuah hotel di sini, di mana beliau dipetik sebagai berkata, sebuah jawatankuasa khas akan diwujudkan untuk mengadakan mesyuarat rasmi bagi memperkukuhkan hubungan di antara kementeriannya dan Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah (MANRED) untuk menangani cabaran dalam keselamatan makanan.

Beliau berkata, ia adalah hasil daripada perbincangan dengan Menteri MANRED, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom yang turut hadir pada

majlis tersebut.

“Terdapat keperluan untuk pembabitian dan pertemuan antara kementerian di peringkat persekutuan dan negeri. Pertemuan ini tidak harus hanya sekali, sebaliknya perlu lebih kerap diadakan.

“Sebahitulah kami mencebap persetujuan untuk membentuk jawatankuasa khas terdiri daripada para pegawai MAFI dan MANRED. Kami akan terus bekerjasama untuk mencari jalan terbaik menjamin keselamatan makanan negara,” kata Ronald.

Ronald mengakhiri lawatan kerja beliau ke Sarawak dengan ‘walkabout’ di Medan Niaga Satok di sini pagi Sabtu untuk meninjau kemajuan kerja-kerja naik taraf di situ.

Medan niaga tersebut sedang menjalani naik taraf dan penambahbaikan yang dijalankan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan kerajaan Sarawak.

“Kerajaan negeri juga telah menyumbang RM7 juta untuk kerja-kerja naik taraf Pasar Satok ini, sekali gus membuktikan hubungan kerja erat antara kerajaan negeri dan persekutuan.

“FAMA juga akan melaksanakan penambahbaikan di pasar-pasar seluruh Sarawak, dengan tambahan RM7 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk menaik taraf 15 pasar di negeri ini.

“FAMA akan terus memainkan peranannya sebagai sebuah agensi pemasaran untuk menyokong usahawan agro mewujudkan suasana mesra perniagaan bagi semua pihak berkepentingan,” kata Ronald, sambil menambah, kerja-kerja naik taraf Medan Niaga Satok akan dilaksanakan secara berperingkat dengan pembinaan bangunan parkir bertingkat dan Blok C dijadual siap sepenuhnya tidak lama lagi.



04 APR, 2022

Lawatan Ronald langkah perkukuh sektor agromakanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

La amat penting untuk sektor agromakanan negara sejajar dengan hala tuju dan perancangan MAFI menerusi DAN 2.0

KUCHING: Lawatan kerja tiga hari ke Sarawak oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee barubaru ini menjadi platform kepada kerajaan persekutuan dan negeri, kumpulan sasaran serta pemain industri untuk membincangkan pendekatan bagi meningkatkan lagi pengeluaran pertanian dan memperkuhkan keselamatan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kerjasama MAFI, BERNAS jamin peningkatan pengeluaran beras negara



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjalin kerjasama dengan BERNAS dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi negara, khususnya di Sarawak. - Foto hiasan

KUCHING: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalin kerjasama dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi negara, khususnya di Sarawak.

MAFI dalam kenyataan hari ini memaklumkan, kerjasama dimeterai bagi menjamin operasi Kilang Benih Padi Sah (SPPC) Stumbin di Sri Aman, lebih berdaya maju dan kekal lestari untuk tempoh jangka panjang.

Menurut kenyataan itu, pengambilalihan pengoperasian SPPC Stumbin oleh BERNAS secara sewaan bersyarat itu dijangka mampu meningkatkan hasil pengeluaran benih padi sah negara.

Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Kolaborasi (MOC) bagi pengoperasian SPPC Stumbin antara MAFI-BERNAS itu di sini, hari ini, disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri (Pembangunan Wilayah) Kementerian Pmodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), Maclaine Martin Ben; Pengerusi BERNAS, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Menurut kenyataan itu lagi, kerjasama itu juga sebahagian daripada usaha MAFI bersama BERNAS untuk meningkatkan produktiviti hasil padi negara selari dengan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

"Dalam hal ini, BERNAS merancang mengusahakan Program SMART SBB sekitar 1,000 hektar di Sarawak.

"Berikutan ketiadaan kilang padi yang bersesuaian untuk menampung pengeluaran padi berskala besar di Sarawak, untuk jangka masa panjang, dicadangkan supaya Kilang SPPC Stumbin ini dinaiktaraf sebagai pusat belian dan kilang padi komersil," kata kenyataan itu.

Kilang berkapasiti pengeluaran padi sebanyak dua tan metrik (MT) sejam dan kapasiti optimum ialah sebanyak 600 MTb itu dibina pada tahun 2012 dan siap pada tahun 2014.

Penanaman padi di Sarawak bersifat tradisional dengan varieti padi tradisional dan majoriti kawasan sawah padi yang menggunakan benih padi varieti moden ialah di Batang Lupar.

Kawasan seluas 196 hektar sawah di Batang Lupar sudah mempunyai infrastruktur pengairan yang lengkap ke tahap tersier manakala sekitar 1,200 hektar lagi mempunyai infrastruktur pengairan tahap sekunder.

Usaha pengoperasian sistematik oleh BERNAS itu adalah antara langkah awal dalam mewujudkan jelapang padi moden

berskala besar di Sarawak.

Sehingga Mac 2022, Program SMART SBB di Sarawak sedang dilaksanakan di bawah seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar dengan kerjasama Syarikat Peneraju Advansia (Sarawak) Sdn Bhd yang membabitkan kawasan seluas 60 hektar di L2 dan L3 Tanjung Bijat, Sri Aman bagi Musim Utama tahun 2021 dan Luar Musim tahun 2022.

Program itu membabitkan seramai 245 peserta bagi kedua-dua musim dijangka dapat meningkatkan pendapatan pesawah sehingga 50 peratus melalui kemudahan infrastruktur dan mekanisasi ladang yang lengkap.

Beberapa kawasan lain di bawah seliaan IADA Batang Lupar juga sedang diusahakan oleh BERNAS membabitkan anggaran kawasan seluas 35 hektar dengan 79 orang pesawah yang dilihat berpotensi untuk memperluaskan lagi Program SMART SBB di Sarawak.

"MAFI akan terus menggandakan usaha program SMART SBB untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan swasta bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

"Pembabitan pihak swasta dalam industri padi dan beras negara amatlah penting bagi menyuntik semangat baru kepada industri ini dengan sumber modal pembiayaan semaksimum mungkin sekali gus mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai," kata kenyataan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI perluas tanaman nanas manis variete unik



BACHOK: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sedia membantu pekebun kecil termasuk graduan universiti yang menganggur untuk mengusahakan tanaman nanas cobek secara komersial.

Pengarah LPNM Wilayah Timur, Mohd. Zamani Ab. Ghani berkata, setakat ini nanas cobek dari keluarga Queen dengan pembiakan sulur hanya

dusahakan di Kelantan setelah induk bakanya dibawa dari Thailand.

Menurut beliau permintaannya amat tinggi kerana brik kemanisannya mencapai 16 hingga 18 peratus lebih tinggi berbanding varieti nanas lain yang terdapat di negara ini.

“Ia berpotensi untuk dikembangkan bagi memenuhi permintaan domestik. Ia dijual dengan harga RM8 sekilogram bagi harga ladang dan mencecah RM11 hingga RM13 bagi pasaran runcit.

“Setakat ini hanya dua kebun yang aktif mengusahakan nanas cobek komersil iaitu di Tumpat dan di Kolej Vokasional Bachok yang turut bersedia membekalkan anak benih sulur kepada mereka yang berminat,” katanya ketika ditemui sempena lawatan Timbalan Menteri Pertanian II, Dato’ Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh, di sini hari ini.

Mohd. Zamani berkata, setakat ini hanya 11.2 hektar nanas tersebut dusahakan di Kampung Laut, Tumpat dan sembilan hektar di Bachok yang masih memerlukan tambahan keluasan untuk memenuhi permintaan semasa.

Katanya, varieti yang berasal dari beberapa negara termasuk Brazil, Taiwan dan Thailand telah didaftarkan sebagai tanaman komersial di bawah LPNM pada tahun 2020, namun penanamannya hanya bertumpu di Kelantan.

“Jarang kelihatan ia dijual di pasaran setakat ini. Berat buahnya sekitar 1.5 hingga 2 kilogram dalam bentuk kon atau selinder, berwarna kuning hijau dengan 138 mata yang boleh dicobek tanpa perlu dihiris untuk dimakan,” ujarnya.

Beliau berkata, pengurusan kolej vokasional bersedia membekalkan sulur benih dengan harga RM1.50 sepokok di mana pekebun yang berhasrat mengusahakan ladang boleh berdaftar dengan LPNM bagi mendapatkan bantuan tertentu yang disediakan.

Katanya, selain nanas cobek terdapat 12 lagi varieti yang didaftarkan sebagai tanaman komersial iaitu Moris, Sarawak, Gandul, Josapine, Yankee, Moris Gajah, Maspine, N36, MD2, View Of Sunset, Madu Kaca dan nanas Keningau Diamond.

Sementara itu, Dr Nik Muhammad Zawawi ketika ditemui berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia menyalurkan bantuan dalam usaha mengembangkan industri nanas terutama varieti baharu yang unik dari segi bentuk dan kemanisannya seperti nanas cobek.

“Industri ini perlu diperluaskan dengan memberi fokus aspek kepakaran dan bimbingan selain menggalakkan pekebun mengusahakan pengeluaran anak benih secara komersial. Tanah terbiar yang komposisi tanahnya sesuai boleh ditebus guna,” ujarnya. – HARAKAHDAILY 3/4/2022

MAFI ambil tindakan tangani isu kepupusan penyu

KUALA LUMPUR: Penguatkuasaan Enakmen Penyu Negeri Terengganu mulai 1 Jun akan datang adalah antara pelan jangka pendek Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menangani isu kepupusan penyu di negeri itu.

Timbalan Menterinya, **Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh**, berkata penguatkuasaan enakmen itu membolehkan pengharaman penjualan telur penyu di semua premis bagi tujuan meningkatkan status populasi penyu.

Menurutnya, langkah jangka pendek lain ialah mewajibkan pemasangan alat penyisih penyu ke atas semua vesel penangkapan ikan yang menggunakan pukuk tunda musim tengkujuh di Terengganu sejak tahun 2017 bagi mengelakkan penyu terperangkap.

Katanya, Jawatankuasa Pasukan Kedamparan Spesies Marin Terancam akan

diaktifkan bagi menangani kes kedamparan penyu serta mencari punca sebenar kematian penyu bagi mengurangkan kadar kematian penyu di pantai Terengganu.

“Program pembersihan pantai pendaratan penyu juga dilaksanakan secara tahunan di Terengganu sebelum musim pendaratan penyu bermula pada Mac hingga Oktober setiap tahun, melibatkan pihak berkepentingan seperti kerajaan negeri, pihak swasta, universiti, sekolah dan orang awam.

“Kempen larangan menyentuh dan memberi makan penyu akan diperluaskan kepada pelancong dan pengusaha bot pelancong di Pulau Redang dan Pulau Perhentian bagi memberi keedaran akan kesan terhadap penyu,” katanya menjawab soalan lisan Senator **Datuk Razali Idris** di Dewan Negara.

Nanas cobek tunggu masa dikomersialkan

BACHOK: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sedia membantu golongan belia, termasuk graduan universiti yang menganggur untuk mengusahakan tanaman nanas cobek secara komersial.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Wilayah Timur LPNM, Mohd. Zamani Ab. Ghani berkata, baka nanas dari keluarga Queen dengan pembiakan sulur itu dibawa masuk dari Thailand dan setakat ini hanya diusahakan di Kelantan.

Menurutnya, permintaan terhadap nanas cobek amat tinggi kerana brik kemanisannya mencapai 16 hingga 18 peratus lebih tinggi berbanding varieti nanas lain yang terdapat di negara ini.

"Nanas ini berpotensi untuk dikembangkan bagi memenuhi permintaan domestik. Ia dijual dengan harga RM8 sekilogram bagi harga ladang dan mencecah RM11 hingga RM13 sekilogram bagi pasaran runcit.

"Setakat ini, hanya dua kebun mengusahakan nanas cobek komersial iaitu di Tumpat dan di Kolej Vokasional Bachok. Kolej ini juga bersedia membekalkan anak benih sulur kepada mereka yang berminat," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Mohd. Zamani mengiringi Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh yang meluangkan masa melawat ladang nanas cobek di Kolej Vokasional Bachok, di sini.



TIMBALAN Menteri Pertanian, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh (depan) menuai hasil tanaman nanas cobek ketika melawat ke ladang tanaman tersebut di Kolej Vokasional Bachok, baru-baru ini. - UTUSAN/TOREK SULONG



Tomato yang ditanam di Tanah Tinggi Lojing antara yang terbaik di Malaysia.

Kelantan pengeluar tertinggi tembikai

KOTA BHARU: Kelantan merupakan pengeluar tertinggi bagi tanaman tembikai di negara ini, manakala durian ketiga terbesar selepas Pahang dan Johor.

Pengeluaran labu manis pula sebanyak 10,258.8 metrik tan dan cili sebanyak 7,170.6 mt, di mana cili solok merupakan identiti Kelantan yang tidak ditanam di negeri lain selain cili padi.

Kelantan juga merupakan pengeluar kedua tertinggi tanaman tomato iaitu sebanyak 67,403.7 mt dan ketiga tertinggi bagi tanaman kobis bulat iaitu 516.4 mt di Malaysia.

Statistik tersebut dikeluarkan Jabatan Pertanian Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas

Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, hasil pertanian berskala besar yang terbaik di bawah gagasan "Bertani Satu Ibadah" ialah tembikai, durian, cili, labu manis, tomato dan kobis bulat.

"Sejak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan RMK-11 Jabatan Pertanian Negeri membangunkan lebih 1,000 ekar tanah terbiar di seluruh negeri dengan pelbagai projek pertanian," katanya pada persidangan Dun baru-baru ini.

Menurutnya juga kejayaan itu antaranya hasil gagasan bertani satu ibadah yang dilaksanakan di Kelantan sejak lebih 10 tahun lalu.



04 APR, 2022

Program Jualan Semarak Ramadan diteruskan di 82 outlet FAMA

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Program Jualan Semarak Ramadan diteruskan di 82 outlet FAMA

KUALA LUMPUR: Program Jualan Semarak Ramadan akan diteruskan di 82 lokasi outlet FAMA di seluruh negara.

FAMA dalam kenyataan kelmarin memaklumkan ini termasuk 62 lokasi di Pasar Tani, 16 lokasi di Pasar Tani Kekal, dua lokasi di MyFarm Outlet dan dua lokasi di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

"Antara pengisian Program Jualan Semarak Ramadan @ Pasar Tani ini adalah edaran buah kurma dan produk usahawan kepada pengunjung serta jualan waktu rila bagi produk buah-buahan dan 'showcase' menu nostalgia berbuka puasa. Turut diadakan juga sumbangan kepada rumanak yatim," menurut kenyataan itu.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA Abdul Rashid Bahri melancarkan Program Jualan Semarak Ramadan @ Pasar Tani Peringkat Kebangsaan di Pasar Tani Kelana Jaya, Selangor kelmarin bagi menguar-uarkan kepada orang ramai

mengenai pengoperasian pasar tani berkenaan.

Program itu dianjurkan bagi memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barangan keperluan dan makanan termasuk bekalan bahan mentah berkualiti dengan harga yang berpatutan sempena menyambut Ramadan.

Dalam kenyataan itu, Rashid berkata peluasan skop Program Jualan Semarak Ramadan @ Pasar Tani itu bertujuan menghargai pengunjung pasar tani yang sentiasa hadir mendapatkan barangan dapur dalam perediaan menyambut kedatangan bulan Ramadan.

Menurut kenyataan itu, Rashid turut menyerahkan sumbangan kepada 50 anak yatim dari Pertubuhan Pusat Jagaan Baitul Hidayah dalam majlis berkenaan.

Untuk rekod, nilai jualan pasar tani di seluruh negara pada tahun lepas berjumlah RM170 juta manakala sehingga Februari 2022, nilai jualan sebanyak RM42 juta dicatatkan dan melibatkan 10,868 usahawan di 270 lokasi pasar tani seluruh negara. — Bernama



04 APR, 2022

Program Jualan Semarak Ramadan diteruskan di 82 outlet FAMA

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Program Jualan Semarak Ramadan akan diteruskan di 82 lokasi outlet FAMA di seluruh negara. FAMA dalam kenyataan kelmarin memaklumkan ini termasuk 62 lokasi di Pasar Tani, 16 lokasi di Pasar Tani Kekal, dua lokasi di MyFarm Outlet dan dua lokasi di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

HPPNK 2022 berlangsung meriah, saji pelbagai aktiviti



Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, menunjukkan bakat memasak.

Oleh **SARINA ISMAIL**

PADANG SERAI: Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) 2022 berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti dan pameran bermula 27 hingga 31 Mac.

Bertemakan "Makanan Terjamin Negara Lestari, Terima Kasih Wira Agro Kedah", HPPNK dibuka kepada orang ramai dari jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang tempoh ia berlangsung.

Pada majlis itu seramai 24 orang terdiri daripada penternak, peladang dan nelayan menerima anugerah HPPNK 2022 yang disampaikan oleh Exco Pertanian, Azman Nashrudin.

Sementara itu, Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor hadir pada sebelah malamnya selain turut melawat tapak pameran.

Para pengunjung HPPNK 2022 disajikan dengan pelbagai pameran dan jualan sepanjang empat hari terbabit dan berpeluang menerima hadiah bertuah dari pihak penganjur.

Antara agensi yang mengambil bahagian dalam pameran berkenaan termasuklah, Lembaga Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan lain-lain lagi selain turut disertai oleh Badan

Bukan Kerajaan (NGO) yang menjual bahan-bahan produk pertanian masing-masing.

Dalam masa yang sama, semua daerah diseluruh Kedah juga mengambil bahagian dalam HPPNK berkenaan.

Pada sebelah malamnya (30 Mac), HPPNK diteriahkan dengan Forum Ilmiah Perdana dengan menampilkan tiga ahli panel iaitu Ustaz Shafi Gani, Ustaz Hafiz Don dan Ustaz Shah Shar-mugan Abdullah.

Manakala pada pada malam 27 Mac para hadirin dihidangkan dengan hiburan jiwa Malam Burdah dan Qasidah oleh Sautol Ansar yang didatangkan khas untuk HPPNK kali ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Chef Wan turut terkena tempias kenaikan harga bahan makanan



CHEF Wan (tiga dari kanan) bergambar bersama pengurusan AEON ketika pelancaran program AEON Star Rewards bersama Chef Wan di, Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM: Kenaikan harga yang melibatkan beberapa bahan makanan ketika ini turut memberi kesan terhadap chef selebriti, Datuk Redzuawan Ismail atau lebih dikenali sebagai Chef Wan.

Menurutnya, kenaikan ayam, daging, beberapa jenis sayur dan ikan membuatkan beliau terpaksa mencari pembekal bahan makanan tersebut yang menjual harga murah untuk dibekalkan kepada beberapa restoran miliknya.

“Saya terpaksa buat perkara ini kerana nak pastikan restoran dapat kekalkan harga makanan seperti sedia ada.

“Memang susah nak cari pembekal yang jual bahan makanan murah, tapi ini yang perlu saya lakukan ketika ini,” katanya selepas menghadiri majlis pelancaran program AEON Star Rewards bersama Chef Wan di AEON Shah Alam, di sini hari ini.

Sebelum isu tersebut berlaku saat ini, beliau sudah mengutarakan kebimbangan berhubung isu sama pada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) beberapa tahun lalu supaya mengambil tindakan sewajarnya.

Chef Wan mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan lebih banyak inisiatif kepada rakyat Malaysia supaya dapat menarik minat mereka menceburi bidang pertanian dan penternakan haiwan.

“Kita seharusnya bersyukur kerana Malaysia mempunyai tanah yang luas dan saya yakin, cukup untuk melakukan pertanian dan penternakan haiwan, selain mempunyai sumber bekalan air bersih.

“Saya juga berharap lebih rakyat Malaysia menceburi bidang ini kerana kluatir dengan situasi, yang mana negara terpaksa mengimport begitu banyak bahan makanan dari luar negara bagi memenuhi keperluan rakyat,” tegasnya.

Utusan Malaysia pada Khamis lalu melaporkan, kerajaan terpaksa mengimport bahan makanan ke negara ini, dengan nilai import berjumlah RM63.6 bilion pada tahun ini.

Situasi tersebut amat membimbangkan kerana pada tahun 2020, nilai import bahan makanan ke negara ini hanya berjumlah RM55.4 bilion. – [UTUSAN](#)

Kos ternakan, peningkatan permintaan punca daging segar naik harga

SHAH ALAM - Kenaikan harga daging segar ketika Ramadan berlaku kerana penternak sedang berhadapan dengan kos bahan mentah makanan yang tinggi di samping peningkatan permintaan daripada pembeli, Pengerusi Koperasi Generasi Transformasi Ruminan (GTR), Nordin Mat berkata, peningkatan kos harga makanan ternakan seperti kek kemel sawit (PKC), jagung dan soya sememangnya berlanjutan sejak awal menjelang Ramadan dan perayaan Aidilfitri.

"Sebenarnya sebelum ini pun dah naik, cuma mungkin orang tidak berapa perasan. Mungkin bila tiba bulan puasa ini, orang baru sedar sebab kenaikan itu turut disumbang oleh permintaan yang tinggi," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Sinar Harian pada Sabtu melaporkan bahawa harga daging segar di Terengganu merekodkan peningkatan kepada RM35 sekilogram (kg) naik RMI berbanding RM34 minggu lalu.

Mengulas lanjut, Nordin berkata, peningkatan harga yang



NORDIN

berlaku di Terengganu dan Kelantan berada pada kadar yang munasabah jika di bandingkan dengan Lumpur, Johor dan Pulau Pinang yang mencecah antara RM38 hingga RM40 sekilogram.

Jelas beliau, meskipun peningkatan harga daging segar itu dijangkakan kembali sedikit reda selepas tempoh perayaan Aidilfitri, namun trend kenaikan bahan makanan segar itu



FOTO BERNAMA



Kenaikan harga daging segar ketika Ramadan berlaku kerana penternak sedang berhadapan dengan kos bahan mentah makanan yang tinggi.

PKC yang dihasilkan di dalam negara juga dilihat masih tidak terkawal.

"Kita faham kalau harga jagung dan soya itu tidak boleh dikawal sebab ia komoditi dari luar negara. Tapi PKC ini adalah satu bahan buangan daripada kilang sawit yang sekarang ini banyak penternak luar negara mereka import (dari Malaysia).

"Jadi ini juga menyebabkan penternak sendiri (tempatan) nak dapatkan bekalan pada harga yang rendah susah sedangkan keperluan PKC untuk penternak tempatan ini hanya tiga peratus daripada keseluruhan pengeluaran

an PKC negara," katanya. Nordin memaklumkan sebelum mendapat manfaat dari pada subsidi PKC yang diumumkan dalam Bajet 2022 melalui Skim Harga Bersubsidi Dedak Isi Rong Sawit berjumlah RM25 juta.

Akunya, antara isu lain yang membelenggu penternak di dalam negara ketika ini adalah kekurangan tenaga kerja dan penularan penyakit kulit kentat ataupun *lumpy skin disease* (LSD) yang menyebabkan banyak kandang terpaksa ditutup.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2022	HARIAN METRO	LOKAL	28

Perak SADC bangun projek tanaman durian bernilai RM44.41j

Ipoh: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) akan membangunkan projek tanaman durian membabitkan kawasan seluas 1,553 ekar di seluruh negeri ini dengan peruntukan berjumlah RM44.41 juta, tahun ini.

Perak SADC dalam satu kenyataan kelmarin berkata, varieti utama durian yang akan ditanam adalah Musang King selain beberapa varieti lain seperti Duri Hitam dan D24.

Menurutnya, dijangka kawasan berkenaan akan mula mengeluarkan hasil secara berperingkat menjelang 2029.

“Perak SADC juga merancang untuk mengadakan usaha sama pemasaran dan melihat kewajaran bagi membangunkan kilang pemprosesan durian yang mampu untuk memproses durian sejuk beku, pulpa durian beku dan pes.

“Hasil produk ini dilihat berpotensi dipasarkan untuk pasaran domestik serta dieksport ke China dan be-

berapa negara lain.

“Perak SADC juga optimis bahawa pembangunan projek ini mampu menjadi antara penyumbang dalam merencanakan lagi industri durian sekali gus mempromosi negeri Perak sebagai antara salah satu hub pengeluaran durian yang utama di Malaysia,” katanya.

Menurut kenyataan itu, pihaknya melalui anak syarikat Perak Agro Forestry Sdn Bhd (PAFSB) sudah mengorak langkah membangunkan projek tanaman durian berskala besar.

Katanya, ia secara dasarnya untuk meningkatkan penjanaan pendapatan melalui pelbagai cabang perniagaan selain tidak hanya tertumpu kepada komoditi kelapa sawit semata-mata.

Semalam, majlis Perasmian Penanaman Pertama Projek Penanaman Durian Perak SADC di Ladang Ayer Kala, Lenggong disempurnakan oleh Menteri Besar Perak merangkap Pengerusi Perak SADC Datuk Seri Saarani Mohamad.

Ibu tunggal terharu terima bantuan zakat

TAMPIN – Seorang ibu tunggal sebak apabila dipilih sebagai penerima zakat bernilai RM250 daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Tampin (Tanggamas) di sini Jumaat lalu.

Normawati Bakar, 52, berkata, dia tidak sangka dipilih bersama 30 yang lain selepas hanya bergantung mengusahakan sayur-sayuran untuk diri sendiri.

Katanya, bantuan itu sangat besar nilainya bagi membolehkannya membeli kalkulator saintifik untuk kegunaan anak bongsunya di sekolah selain membeli makanan.

“Anak mula sekolah secara bersemuka dan boleh gunakan

kalkulator saintifik yang dibeli menggunakan wang zakat.

“Saya juga bekerja secara sambilan sebagai tukang bersih pejabat,” katanya ketika ditemui di pejabat Tanggamas di sini.

Hadir sama, pengarah merangkap Ketua Cawangan Audit Pertubuhan, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan, Zulkifli Arop dan Pengerusi Jemaah Pengarah Tanggamas, Razali Abdul Jalil.

Sementara itu, Razali berkata, Tanggamas telah menerima wakalah zakat sebanyak RM14,000 untuk diagih-agihkan kepada ahli atau individu yang memerlukan.



ZULKIFLI (tengah) menyampaikan wang zakat kepada Normawati sambil diperhatikan Razali pada Majlis Penyampaian Wakalah Zakat Tanggamas 2022 di Tampin Jumaat lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Kerenah di TKPM jejas hasil pertanian

KUANTAN: Penetapan hanya satu jenis tanaman di satu-satu kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) menghalang penanaman berpotensi lain seterusnya menyebabkan petani berdepan masalah pemasaran.

Selain itu, masalah pemasaran dan infrastruktur serta kekangan bantuan susulan bencana memberi kesan kepada pengusaha pertanian sekali gus menjejaskan pengeluaran hasil pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Mohd. Sofit Abd. Razak berkata, penetapan hanya satu jenis tanaman di satu-satu kawasan TKPM meskipun terdapat pelbagai tanaman berpotensi lain menyebabkan petani menghadapi masalah pemasaran dan tidak dapat berdaya saing.

“Kita harap masalah dihadapi petani ini turut mendapat perhatian kerajaan Pusat malah peruntukan lebih besar perlu disalurkan dalam usaha memajukan pertanian negara,” katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia pada Khamis lalu melaporkan bahawa, kerenah kerajaan negeri yang didakwa gagal menyediakan kawasan baharu pertanian menyebabkan negara terpaksa mengimport makanan bernilai RM63.6 bilion tahun lalu.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataannya kepada *Utusan Malaysia* berkata, kebergantungan import makanan yang tinggi itu turut dikaitkan isu pembangunan tanah pertanian yang tertakluk di bawah pihak berkuasa kerajaan negeri.

Kata kenyataan itu, penentuan pembangunan tanah bermula daripada kelulusan syarat kepada pertanian, bangunan dan industri diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Control cost of animal feed, say livestock farmers

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Livestock farmers are calling for control over the cost of animal feed, saying that the spike is contributing to the rise in the prices of meat such as beef and mutton.

Livestock farmer Wan Mohammad Muttagim Wan Muda, 26, from Marang, Terengganu, said the cost for 50kg of feed now stood at RM62 compared to RM45 last year.

"It costs about RM8 to RM15 a day to feed a cow.

"I hope the government will control the price of feed.

"The price has been increasing exponentially as there is no control," said Wan Mohammad, who has a herd of 15 cows.

Another livestock farmer from Kelantan, who does not want to be named, said the cost of feed increased by 90% within just a week.

"Farmers have to incur costs of up to RM3,000 a month.

"The price of meat should increase in

tandem with the price of feed and only then, farmers will be able to roll back their capital for the future," he said, urging for action.

Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia adviser Datuk Jeffrey Ng said the rise in the price of feed had also affected poultry farmers.

He attributed the increase in the price of feed, including corn and soybean, to the rise in the prices of crude palm oil.

"Feed price has increased by RM7 or more than 5%," he said.

However, he said the price of feed was not taken into consideration when the government implemented the price control scheme on chicken.

"Some of the farmers have to sell their chicken products at control price although their cost has increased to more than the control price," he said.

The National Action Council on Cost of Living has set the maximum price for standard chicken at RM8.90 from Feb 5 until June 5, it said.

This is 20 sen cheaper than the fixed ceiling price of RM9.10.

MMEA: Influx of foreigners a security threat

PETALING JAYA: The influx of foreigners taking over from locals as fishermen is a national security threat, says the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA).

Its Maritime Criminal Investigation Division director First Admiral (M) Ahmad Faridi Ferdaus said his men had arrested several foreign fishermen for their involvement in criminal activities over the past few years.

These included activities involving drugs, contraband and possible human smuggling.

"In Selangor, we can see more Indonesian fishermen around Sekinchan, Sungai Besar and Sabak Bernam manning boats belonging to locals.

"So having their own people in the sector makes it easier for smugglers to execute their criminal activities, which include smuggling foreigners into our country," he told *The Star*.

Ahmad Faridi said that besides helping to transport goods, foreign fishermen also act as "tonto laut" (sea spies) for the syndicates.

"Drug and kratom smugglers in Kedah and Perlis will use fishing boats or smaller boats to avoid suspicion. Some of the coastal fishermen

will also conspire with the syndicates by providing tip-offs on enforcement," he added.

A local fisherman who wanted to be known only as Jasuli admitted to playing a part in helping smugglers.

Like most of them, he said it was the money that enticed him.

"No, fishermen don't do it because they earn less, they do it because it is easy money. What you have to do is go fishing - say at around 9pm until 1am - and just monitor in case enforcers are there.

"If they are, then you give the smugglers a heads-up. Otherwise, you continue fishing and leave after a few hours.

"We have different codenames for each enforcement agency. For MMEA, we say 'torak' (a type of squid); marine police are known as 'cumuk' (another type of squid); and for Customs we say 'ketam' (crab).

"You spend RM50 for diesel but you get about RM300 or RM400 per trip," he said, adding that he could earn more than RM2,000 then.

Jasuli said the distance between Malaysia and Indonesia from his area in Johor was not that great, about two hours by boat.

"They (Indonesian smugglers) don't need fishermen to smuggle



Hard at work: Workers sorting the catch at the Fisheries Development Authority of Malaysia in Penang. — ZHAFARAN NASIB/The Star

anything because the distance between Indonesia and Malaysia is not that far," he added.

The situation in north Malaysia differed, said Malaysian Coastal Fishermen's Education and Welfare Association deputy chairman Mohd Faizal Mohd Zabri.

"We have foreigners at all levels - areas that are full of foreigners are Bagan Datuk, Lumut, Kuala Sungai Busung and Sungai Piang in Perak. enforcement to Vietnamese fishermen," he said.

"Foreigners have committed over 42,000 crimes in Malaysia since 2016, so on average, they have committed 14,000 crimes per year. The most common crimes committed were thefts, followed by burglaries and motorcycle thefts.

"Legal foreign workers would normally be monitored by their respective employers and chances of them being involved in criminal activities are quite remote. However, the presence of big numbers of illegal foreign workers poses a huge challenge to the authorities to ensure that they are not involved in criminal activities," he added.

Syed Hussain said many foreign workers had ventured into petty trading, electronic sales and repair shops, workshops, and the electrical and plumbing fronts.

"The current worker shortage is mainly due to the freeze in intake of foreigners in 2020 and 2021 but since mid-February, the government has lifted the sanction. However, application processes are not running smoothly, and new workers have not been brought in so far.

"Even though the unemployment rate is 4.2% involving more than 680,000 people, local workers are not keen to be employed in such jobs. There is a need to address the labour shortage urgently as Malaysia is facing competition from other Asean countries and China," he added.